

12 JUL 2004

Mahathir-Umno/I

PERTAHANKAN TRADISI TIADA PERTANDINGAN DUA JAWATAN TERTINGGI UMNO,  
KATA

DR M

PUTRAJAYA, 12 Julai (Bernama) -- Bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir

Mohamad hari ini menyuarakan sokongan penuhnya terhadap tradisi Umno berhubung ketiadaan pertandingan bagi jawatan presiden dan timbalan presiden parti, dengan mengatakan bahawa jawatan-jawatan itu tidak seharusnya dipertandingkan.

Sehubungan itu, katanya beliau tidak fikir Ketua Umno bahagian Gua

Musang, Tengku Razaleigh Hamzah yang menawarkan diri sebagai calon bagi

jawatan presiden, akan memperolehi sebarang sokongan dari bahagian-bahagian

Umno yang kini sedang menjalankan persidangan perwakilan bahagian masing-masing.

"Namun tanpa mengaitkan tentang Tengku Razaleigh, saya rasa bagi jawatan presiden dan timbalan, tak payah cabar la. Dan ini juga membabitkan

sesiapa saja. Saya bukan bercakap tentang Tengku Razaleigh (sahaja),"

katanya kepada pemberita selepas menghadiri satu majlis anjuran Yayasan

Kepimpinan Perdana khusus untuk beliau dan isterinya, Datin Seri Dr Siti

Hasmah Mohamed Ali sempena ulangtahun mereka ke-79.

Dr Mahathir, yang merupakan Presiden Umno dari 1981 hingga 2003, berkata sebarang pertandingan seharusnya dihadkan kepada peringkat Naib Presiden sahaja.

"Semua ini adalah tradisi Umno," katanya semasa diminta mengulas keputusan Tengku Razaleigh untuk menawarkan diri bagi bertanding jawatan

tertinggi parti itu pada Jumaat lepas di Gua Musang.

Berhubung kenyataan Tengku Razaleigh bahawa beliau berbuat demikian

atas nama demokrasi dalam Umno, Dr Mahathir berkata: "Saya sering katakan

bahawa demokrasi adalah untuk rakyat, bukannya rakyat perlu berkorban untuk

demokrasi."

Beliau mengakui bahawa Tengku Razaleigh mempunyai hak untuk menawarkan

dirinya bertanding, tapi menurutnya Tengku Razaleigh "tidak akan kemana-mana" dengan tindakannya itu.

Perdana Menteri, yang juga Pemangku Presiden Umno, Datuk Seri Abdullah

Ahmad Badawi, yang menerima pencalonan besar dari bahagian-bahagian Umno untuk jawatan presiden parti, semasa diminta mengulas berhubung kenyataan

Tengku Razaleigh itu telah menyerahkan kepada perwakilan Umno bagi menentukan pencalonan Tengku Razaleigh untuk jawatan itu.

Ditanya sekiranya cabaran Tengku Razaleigh itu hanya bertujuan "mengacau", Dr Mahathir berkata "Kacau apa, dia tak boleh dapat apa pun, satu vote (pencalonan) pun dia tak boleh dapat. Mungkin dari bahagiannya sendiri sahaja,"

Tengku Razaleigh tewas semasa beliau mencabar Dr Mahathir untuk jawatan presiden pada 1987.

Ditanya sekiranya beliau masih mengikuti perkembangan dalam Umno, Dr Mahathir berkata ia sentiasa berada dalam perhatiannya.

"Saya (sentiasa) fikirkan tentang Umno. Ia bermakna apa sahaja yang baik buat Umno, saya akan sokong," katanya.

Terdahulu, suasana majlis jelas ceria dengan kehadiran ramai kalangan anggota kaum keluarga dan sahabat handai beliau serta isterinya bagi meraikan sambutan hari ulang tahun itu.

Dr Mahathir secara berjenaka berkata ia merupakan kali keempat sambutan itu diadakan untuknya.

Dr Siti Hasmah turut mempamerkan kebolehannya memainkan oragan mendendangkan sebuah lagu tradisional Melayu pada majlis itu.

-- BERNAMA  
MAM AZH